

Mukadimah

NEGARA Malaysia ketika ini mempunyai status yang agak teristimewa, khususnya di kalangan negara-negara Dunia Ketiga. Bukan sahaja ia diakui oleh dunia antarabangsa sebagai satu-satunya negara yang membangun dengan begitu pesat tetapi ia juga merupakan negara yang ternyata mempunyai visi yang jelas tentang ke mana arah tujuannya menjelang abad 21. Arah tujuan negara ini telah pun dinyatakan dengan jelas oleh Y.A.B. Perdana Menteri semasa menghurai tajuk perdana "Malaysia Melangkah ke Hadapan" yang ketika ini lebih dikenali sebagai Wawasan 2020. Mengikut penilaian beberapa penganalisis negara, perisytiharan ini juga merupakan sesuatu yang historis kerana "inilah kali pertama seorang Perdana Menteri Malaysia mengemukakan satu wawasan yang meliputi aspek-aspek penting pembangunan negara pada masa hadapan."

Penilaian ini amat menarik kerana apabila dilihat daripada sudut pandangan dunia pengurusan yang canggih pun ternyata bahawa pemimpin negara kita telah berjaya menyimpulkan satu pernyataan misi (a mission statement) yang konkrit serta jelas bagi memimpin rakyat memfokuskan keseluruhan potensi dan kemampuan mereka ke arah pembangunan negara. Daripada segi prasarana, negara mempunyai cita-ciat besar, ternyata ia telah diketengahkan pada tahun 1991, namun persoalannya ialah apakah kita sebagai anggota negara akan bersedia menggemblengkan keutamaan-keutamaan kita ke arah menterjemah dan menyerlahkan kata-kata muluk ini ke alam realiti agar ia dapat dinikmati dalam semua aspek hidup kita? Di takat ini mungkin kita bermula melihat dan membincangkan peranan kita sebagai aktivis penggerak dan pembangun masyarakat dan negara!

Cabaran dan Senario Abad 21

Sebelum meninjau apakah mungkin peranan positif sasterawan dalam Wawasan 2020, kita perlu meninjau apakah mungkin cabaran-cabaran dan senario yang akan dihadapi. Pertimbangan ini amat penting dalam mengatur strategi sumbangan yang bakal diberi agar ia bukan sahaja mendekati keperluan dan permintaan Wawasan tetapi yang lebih penting lagi ia membuahkan kejayaan

yang nyata dan seiring dengan matlamat wawasan. Walau bagaimanapun, sebelum kita memperincikan perkara ini agak penting juga kita melihat secara dekat apakah yang terkandung dalam pernyataan misi negara kita agar ia sentiasa menjadi rujukan kita. Pernyataan misi telah dirumuskan sebagai:

Pada tahun 2020 Malaysia akan menjadi negara maju dan bersatu padu, dianggotai oleh masyarakat yang mempunyai ciri-ciri berkeyakinan diri, nilai-nilai moral dan etika yang kukuh, liberal lagi toleran, berbudi, berbudaya progresif, mengamalkan prinsip-prinsip demokrasi matang, ekonomi yang adil dan saksama, serta mempunyai ekonomi yang tangkas dan teguh.

Dengan terukirnya matlamat perjuangan negara kita secara nyata, sekurang-kurangnya ia akan mencetus dan mendorong kita prihatin terhadap isi kandungannya. Kesedaran ini amat penting sekiranya kita ingin benar-benar merealisasikan pernyataan ini. Apa yang diperlukan bukan dukungan yang bersifat laungan kosong ataupun keghairahan yang berasaskan pemahaman yang dangkal tetapi satu usaha serius ke arah memahaminya dan berkeyakinan, ia merupakan satu perjuangan yang muluk.

Di samping itu juga ternyata bahawa sesuatu yang bersifat cita besar tidak akan direalisasikan oleh sesuatu bangsa tanpa bersedia mengatasi rintangan-rintangan dan cabaran-cabaran yang sama besar. Mengikut analisis Y.A.B. Perdana Menteri, ada sembilan cabaran besar yang perlu diatasi bagi menjayakan impian Malaysia menjadi negara maju dengan acuannya tersendiri. Cabaran-cabaran ini yang meliputi pelbagai dimensi kehidupan masyarakat bernegara boleh dirumuskan seperti berikut:

1. Membentuk sebuah negara bangsa (Bangsa Malaysia) bersatu padu serta menyanjung masa hadapan yang diperkongsikan bersama.
2. Melahirkan sebuah masyarakat Malaysia yang merdeka, teguh dan telah terbentuk jiwanya, yakin akan dirinya sendiri, bangga akan keadaannya kini dan segala sesuatu yang telah dicapainya, dan cukup tangkas untuk menghadapi segala macam rintangan.
3. Membentuk dan memperkembangkan masyarakat demokratis yang matang, yang mengamalkan suatu bentuk demokrasi Malaysia yang unggul berasaskan muafakat dan musyawarah yang boleh menjadi contoh kepada negara-negara membangun yang lain.

yang nyata dan seiring dengan melambatkannya. Walau bagaimanapun, sebelum kita mempertimbangkan perkara ini, kita harus melihat secara dekat apakah yang terkandung dalam pernyataan ini. Kita harus ia tentukan menjadi tujuan kita. Pernyataan ini telah dirumuskan sebagai:

Pada tahun 2020 Malaysia akan menjadi negara maju dan berseutu pada, disamping oleh masyarakat yang mempunyai ciri-ciri berkeadilan diri, nilai-nilai moral dan etika yang kukuh, liberal lagi cemerlang, berbudaya progresif, mengamalkan prinsip-prinsip demokrasi, ekonomi yang adil dan saksama, serta mempunyai ekonomi yang tangkas dan cekap.

Landas terkininya matlamat pernyataan ini adalah untuk mencapai kemajuan-kemajuan ini akan mencapai dan mendorong kita untuk berambisi tinggi. Kesedaran ini amat penting kerana kita ingin berambisi dan berkeadilan berkeadilan ini yang diperlukan bukan dukungan yang bersifat fakir atau miskin. Kesedaran ini amat penting kerana kita ingin berambisi dan berkeadilan berkeadilan ini yang diperlukan bukan dukungan yang bersifat fakir atau miskin.

Di samping itu, kita haruslah sedar bahawa untuk mencapai cita-cita ini kita haruslah berambisi dan berkeadilan berkeadilan ini yang diperlukan bukan dukungan yang bersifat fakir atau miskin. Kesedaran ini amat penting kerana kita ingin berambisi dan berkeadilan berkeadilan ini yang diperlukan bukan dukungan yang bersifat fakir atau miskin.

1. Membentuk sebuah masyarakat yang kukuh ciri-ciri moral dan etikanya, dengan para warganya mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh, dan ditunjangi oleh budi pekerti yang luhur.
2. Membentuk sebuah masyarakat matang yang bersifat liberal lagi tolerah, dengan setiap warga bangsa Malaysia, tanpa mengira keturunan mahupun kepercayaan, bebas mengamal dan melaksanakan adat resam, kebudayaan serta kepercayaan agamanya masing-masing, tanpa berasa tersisih daripada bangsa tersebut.
3. Membentuk sebuah masyarakat yang berbudaya sains serta progresif, berdaya cipta dan berpandangan futuristik, yakni sebuah masyarakat yang bukan sahaja dapat memanfaatkan teknologi kini tetapi turut menjadi penyumbang terhadap pembentukan peradaban sains dan teknologi pada masa hadapan.
4. Membentuk masyarakat berbudi dan berbudaya penyayang, sebuah sistem sosial yang lebih mementingkan masyarakat daripada diri sendiri, dengan kebajikan rakyat tidak diasaskan pada negara mahupun individu, tetapi pada sistem kekeluargaan yang kukuh lagi mantap.
5. Menjamin terbentuknya sebuah masyarakat yang adil ekonominya, yang mengagihkan kekayaan negara secara adil dan saksama agar kemajuan dinikmati oleh setiap rakyat.
6. Membentuk sebuah masyarakat yang makmur, dengan ekonomi yang mampu menghadapi persaingan, bersifat dinamis, tangkas dan mempunyai daya tahan.

Kesemua cabaran yang diketengahkan di atas telah mengambil kira pandangan yang diutarakan daripada analisis "mega trends" serta ramalan-ramalan tentang perilaku dalaman dan dunia antarabangsa pada abad 21. Abad 21 telah digelar sebagai abad infotek. Ia juga telah disifatkan sebagai abad yang amat mencabar, kerana antara fenomena baru yang manusia perlu menangani ialah fenomena kadar perubahan itu sendiri; ia akan berlaku pada kadar yang amat cepat (an accelerated pace). Fenomena ini terserlah akibat kehebatan kegiatan manusia juga, iaitu manusia dengan daya produktiviti yang

4. Membentuk sebuah masyarakat yang kukuh ciri-ciri moral dan etikanya, dengan para warganya mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh, dan ditunjangi oleh budi pekerti yang luhur.
5. Membentuk sebuah masyarakat matang yang bersifat liberal lagi tolerah, dengan setiap warga bangsa Malaysia, tanpa mengira keturunan mahupun kepercayaan, bebas mengamal dan melaksanakan adat resam, kebudayaan serta kepercayaan agamanya masing-masing, tanpa berasa tersisih daripada bangsa tersebut.
6. Membentuk sebuah masyarakat yang berbudaya sains serta progresif, berdaya cipta dan berpandangan futuristik, yakni sebuah masyarakat yang bukan sahaja dapat memanfaatkan teknologi kini tetapi turut menjadi penyumbang terhadap pembentukan peradaban sains dan teknologi pada masa hadapan.
7. Membentuk masyarakat berbudi dan berbudaya penyayang, sebuah sistem sosial yang lebih mementingkan masyarakat daripada diri sendiri, dengan kebajikan rakyat tidak diasaskan pada negara mahupun individu, tetapi pada sistem kekeluargaan yang kukuh lagi mantap.
8. Menjamin terbentuknya sebuah masyarakat yang adil ekonominya, yang mengagihkan kekayaan negara secara adil dan saksama agar kemajuan dinikmati oleh setiap rakyat.
9. Membentuk sebuah masyarakat yang makmur, dengan ekonomi yang mampu menghadapi persaingan, bersifat dinamis, tangkas dan mempunyai daya tahan.

yang telah diefisienkan dengan kemajuan budaya sains telah mencetuskan satu gejala dalam bentuk ledakan maklumat yang boleh membingungkan. Dominasi fenomena ini juga telah mencetuskan suatu persoalan asas tentang apakah mungkin sumber-sumber strategik dalam perihal jatuh dan banggunya sesuatu negara bangsa. Ternyata dalam menangani persoalan ini satu perubahan paradigma telah berlaku. Perubahan ini telah diungkapkan dengan persis oleh Kenichi Ohmae dalam bukunya Beyond National Borders:

Masa depan sebuah negara adalah bergantung kepada sumber manusianya. Suatu ketika ia bergantung kepada sumber-sumber alamnya, akan tetapi tidak lagi. Kini mutu dan bilangan yang terdidiklah yang akan menentukan jatuh banggunya sebuah negara.

Memandangkan kenyataan ini serta arah perkembangan teknologi yang sentiasa mendekati lagi negara-negara melalui rangkaian kecanggihan telekomunikasi atau lebih dikenali dengan fenomena ke arah perkampungan global (global villahe), maka cabaran yang dihadapi oleh warga negara Malaysia tidak hanya meliputi konteks negara atau rantainya, tetapi juga konteks global. Sudah tentu apabila senario yang telah dipaparkan turut diperhitungkan dalam maksud mencapai suatu gambaran yang lebih total, dalam menangani permasalahan pembangunan negara maju berlatar belakangan pergolakan era yang mencabar, ia pasti merumitkan lagi medan perjuangan kita. Akan tetapi ia adalah suatu kemestian sekiranya kita ingin memperihalkan tentang konsep negara maju dalam konteks abad 21, apakah lagi kalau negara maju yang ingin diketengahkan merupakan sesuatu yang dihasilkan daripada acuan kita tersendiri!

Beberapa Permasalahan Konseptual

Antara permasalahan konseptual yang tercetus daripada perihalan Wawasan ialah cita-cita negara menjadi sebuah negara industri maju. Persoalan yang kita renungi ialah apakah yang dimaksudkan dengan konsep negara atau masyarakat industri? Apakah ia sama dengan konsep kawasan perindustrian (industrial state)? Pada mereka yang berfahaman simplistik atau yang tergesa-gesa memanfaatkan peluang yang terbentang begitu luas, maka gambaran negara industri tidak lebih daripada negara yang dibanjiri dengan kilang, bangunan pencakar langit, kawasan-kawasan rekreasi buatan, sesakan trafik dan sebagainya. Pada pandangan seorang ilmuwan seperti Rustam Sani,

masyarakat atau negara industri menjangkau konsepsi yang lebih luas kerana masyarakat tersebut mempunyai "aturan sosial, citra dan tampang budaya tertentu. Anggota negara ini hidup bermasyarakat, berkeluarga, beragama, menghasilkan dan menikmati karya-karya seni dan sastera, mempunyai sistem politik dan pemerintahan dan sebagainya." Pendek kata, masyarakat industri merupakan satu masyarakat yang berbudaya tetapi ia amat moden.

Begitu juga beberapa konsep lain dalam Wawasan perlu dibahas dan dihalusi. Antaranya ialah "bangsa Malaysia," "demokrasi yang matang," "budaya sains yang progresif," "nilai-nilai moral dan etika" yang kukuh pada peringkat individu dan masyarakat, "keluarga dan masyarakat berbudaya penyayang," "prinsip ekonomi yang adil dan saksama" dan sebagainya.

Perbincangan peringkat konseptual amat penting kerana perkara-perkara dasar sememangnya bermula dengan satu penghuraian di peringkat kerangka filosof (philosophical framework) sebelum ia terjelma dalam bentuk tindakan dan amalan. Ada beberapa konsep yang boleh menjadi kusut sekiranya tidak ditangani secara ilmiah, ikhlas dan penuh berkeyakinan. Sebagai contoh, dalam menangani konsep "bangsa Malaysia," bagaimana kita adunkan konsep teras bangsa Melayu yang kini diterima umum? Begitu juga dengan konsep bangsa Cina, India dan lain-lain lagi. Kita juga ingin bertanya bagaimana agaknya rupa atau pancaran bangsa Melayu moden? Bagaimana tasawwur dan budaya Islamnya? Pada hemat saya persoalan-persoalan seperti ini sepatutnya mendapat sambutan yang wajar sama ada kita ini daripada golongan sasterawan ataupun tidak.

Sasterawan ke Arah Wawasan 2020

Peranan sasterawan dalam Wawasan 2020 amat diperlukan walaupun secara khusus sastera atau sasterawan tidak disebutkan dalam pembentangan kertas kerja "Malaysia Melangkah ke Hadapan." Seperti dikemukakan pada awal kertas kerja ini, Wawasan 2020 merangkumi pelbagai dimensi kehidupan masyarakat Malaysia. Amat nyata ia tidak terhad kepada aspek pembangunan ekonomi sahaja walaupun teras perbincangan berbaur ekonomi. Apabila kita menerima kenyataan bahawa sastera merupakan cerminan sesuatu bangsa, maka dengan sendirinya ia bermula dengan manusia dan menjangkau segala kegiatannya. Dalam pengertian yang luas secara de facto bidang sastera telah dicakupi dan semestinya para sasterawan negara berasa diri mereka terpenggil dalam menangani kejayaan cita-cita yang terkandung dalam Wawasan 2020.

Apa yang menarik bagi saya ialah bagaimana para sasterawan kita dapat memperluaskan lagi pengaruh mereka sebagai penggerak dan pembangun masyarakat Malaysia? Sebagai seorang yang kurang berkecimpung dalam dunia sastera, apakah lagi dalam dunia sastera Melayu/Malaysia, ingin saya berkongsi beberapa pandangan saya terhadap persoalan ini berdasarkan pengalaman saya sebagai seorang ahli sains. Ada beberapa perkara yang perlu diberi tumpuan pada pandangan saya.

Pertama sekali ialah tentang persoalan Sastera Melayu/Malaysia dan penggunaan bahasa. Rata-ratanya apabila kita memperihalkan tentang Sastera Melayu/Malaysia, kita akan berdepan dengan persoalan bahasa. Bahasa Melayu telah diterima umum sebagai wahana Sastera Melayu/Malaysia. Apa yang ingin diketengahkan ialah bagaimana bahasa Melayu dapat menembusi budaya dan arena pembacaan rakyat Malaysia agar ia diterima sebagai wahana yang berkesan dalam menentaskan visi yang diperkongsi bersama tentang pembangunan dan penyatuan masyarakat? Seiring dengan ini juga ialah bagaimana Sastera Melayu/Malaysia dapat diketengahkan sebagai satu wahana dalam meningkatkan martabat manusiawi Malaysia?

Sekiranya dilihat daripada sudut budaya konsumerisme, khususnya dalam bidang perihai maklumat, amat nyata masyarakat Malaysia semakin prihatin tentang perkembangannya. Apakah potensi ini tidak dapat diperluaskan kepada Sastera Melayu/Malaysia? Apakah tanggapan masyarakat bawah sastera yang dihidangkan hanya berkisar tentang hal-hal luar daripada permasalahan "main stream"? Ataupun ia hanya sesuai bagi mereka yang ada masa lapang? Apakah sastera kita lebih memperihalkan perkara-perkara yang kurang membantu masyarakat dalam menangani isu-isu real? Apakah skop dan kualiti pengkaryaan tidak mencapai tahap yang memberangsangkan dalam pelbagai dimensi hidup bermasyarakat?

Apabila dilihat daripada sudut kreativiti, sudah pasti bidang sastera dianggap sebagai satu-satunya gelangar yang menyuburkan potensi kreativiti manusia, namun apakah tanggapan ini tidak dapat dimanfaatkan dalam mendekati sasaran yang pelbagai? Ketika ini ramai ahli profesional daripada pelbagai bidang, sebagai contoh dalam dunia pengurusan, menekankan betapa penting dan strategiknya daya kreatif. Pelbagai karya dan program dalam bentuk kursus dan bengkel diadakan bagi membantu golongan profesional ke arah menghidupkan semula atau mempertajamkan lagi daya kreativiti mereka.

... dan sasterawan kita sebagai penggerak dan pembangun masyarakat Malaysia? Sebagai seorang yang kurang berkecimpung dalam dunia sastera, apakah lagi dalam dunia sastera Melayu/Malaysia, ingin saya berkongsi beberapa pandangan saya terhadap persoalan ini berdasarkan pengalaman saya sebagai seorang ahli sains. Ada beberapa perkara yang perlu diberi tumpuan pada pandangan saya.

Pertama sekali ialah tentang persoalan Sastera Melayu/Malaysia dan penggunaan bahasa. Rata-ratanya apabila kita memperihalkan tentang Sastera Melayu/Malaysia, kita akan berdepan dengan persoalan bahasa. Bahasa Melayu telah diterima umum sebagai wahana Sastera Melayu/Malaysia. Apa yang ingin diketengahkan ialah bagaimana bahasa Melayu dapat menembusi budaya dan arena pembacaan rakyat Malaysia agar ia diterima sebagai wahana yang berkesan dalam menentaskan visi yang diperkongsi bersama tentang pembangunan dan penyatuan masyarakat? Seiring dengan ini juga ialah bagaimana Sastera Melayu/Malaysia dapat diketengahkan sebagai satu wahana dalam meningkatkan martabat manusiawi Malaysia?

Sekiranya dilihat daripada sudut budaya konsumerisme, khususnya dalam bidang perihai maklumat, amat nyata masyarakat Malaysia semakin prihatin tentang perkembangannya. Apakah potensi ini tidak dapat diperluaskan kepada Sastera Melayu/Malaysia? Apakah tanggapan masyarakat bawah sastera yang dihidangkan hanya berkisar tentang hal-hal luar daripada permasalahan "main stream"? Ataupun ia hanya sesuai bagi mereka yang ada masa lapang? Apakah sastera kita lebih memperihalkan perkara-perkara yang kurang membantu masyarakat dalam menangani isu-isu real? Apakah skop dan kualiti pengkaryaan tidak mencapai tahap yang memberangsangkan dalam pelbagai dimensi hidup bermasyarakat?

Apabila dilihat daripada sudut kreativiti, sudah pasti bidang sastera dianggap sebagai satu-satunya gelangar yang menyuburkan potensi kreativiti manusia, namun apakah tanggapan ini tidak dapat dimanfaatkan dalam mendekati sasaran yang pelbagai? Ketika ini ramai ahli profesional daripada pelbagai bidang, sebagai contoh dalam dunia pengurusan, menekankan betapa penting dan strategiknya daya kreatif. Pelbagai karya dan program dalam bentuk kursus dan bengkel diadakan bagi membantu golongan profesional ke arah menghidupkan semula atau mempertajamkan lagi daya kreativiti mereka.

Apakah trend ini tidak mendapat perhatian ahli sastera kita? Sebagai seorang saintis, saya melihat betapa pentingnya kami mempunyai suatu pemikiran yang bersifat cecair; amat berbeza dengan pemikiran yang bersifat objektif serta logis. Ketrampilan pemikiran ini boleh diperkembangkan sekiranya ahli sains lebih terdedah kepada dunia sastera kerana pada pendapat saya bahasa sastera dan perspektif ahli seni mempunyai satu kesensitifan yang amat berbeza dengan bahasa dan perspektif objektif dan mekanis para saintis.

Mungkin apa yang diperlukan ialah satu usaha serius ke arah memperluaskan lagi penguasaan pengetahuan sasterawan kita, khususnya di kalangan mereka yang masih "muda." Antara bidang yang perlu diberi tumpuan juga ialah falsafah, sejarah perkembangan pemikiran dan budaya, sains dan teknologi, pengurusan, politik, kepimpinan dan sebagainya. Dengan latar belakang yang lebih luas dan budaya ilmu yang mantap, mereka berkemungkinan dapat menjelmakan karya-karya secara kreatif dan agresif tentang perkara-perkara yang menjadi tumpuan masyarakat yang sedang mengejar arus kemodenan dan sekaligus menarik perhatian serta mendidik mereka. Pada mereka yang ingin berkecimpung dalam arena sastera dan ingin menjadi seorang sasterawan yang berwibawa pada abad 21, maka ia hendaklah bermula dengan satu niat dan iltizam yang kuat bahawa penanya boleh membangunkan masyarakatnya.

Mei 1992